



**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA**

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 2 TAHUN 1988

**LAPORAN NILAIAN PRESTASI TAHUNAN BAGI PEGAWAI-PEGAWAI
PROFESIONAL YANG MENJADI KETUA JABATAN**

1. TUJUAN

1.1 Surat Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan memaklumkan bahawa pegawai professional yang menjadi Ketua Pengarah jabatan di peringkat persekutuan tidak lagi perlu mengemukakan Laporan Nilai Prestasi Tahunan.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Perenggan 3 (a) Bab Dua kepada Arahan Perkhidmatan 1974 menghendaki semua pegawai dalam Kumpulan A dan B termasuk ketua-ketua jabatan menyediakan Laporan Nilai Prestasi Tahunan masing-masing dan mengemukakannya kepada pegawai pelapor seterusnya kepada pihak berkuasa yang menyimpan Laporan tersebut sebelum 15 Mac tahun yang berikutnya.

2.2 Sehubungan dengan ini dimaklumkan bahawa bermula daripada tarikh Surat Pekeliling Perkhidmatan ini dikeluarkan peraturan berikut hendaklah dipatuhi:

(a) Ketua Pengarah jabatan di peringkat persekutuan---tidak perlu mengemukakan laporan.

(b) Pengarah jabatan di peringkat persekutuan atau negeri---mengemukakan laporan kepada
Ketua Pengarah


(c) Pengarah jabatan di peringkat daerah---mengemukakan laporan kepada Pengarah Negeri.

2.3 Walau bagaimanapun jika difikirkan perlu, dalam keadaan yang tertentu, Jabatan Perkhidmatan Awam boleh meminta supaya laporan bagi Ketua Pengarah disediakan. Jabatan ini juga akan menentukan pegawai pelapor yang berkenaan.

3. TARIKH KUATKUASA

3.1 Surat Pekeliling Perkhidmatan ini berkuatkuasa bermula dari tarikh Surat Pekeliling Perkhidmatan ini dikeluarkan.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Dato' Wan Mansor Bin Abdullah'. The signature is fluid and cursive, with a long horizontal stroke extending to the left.

DATO' WAN MANSOR BIN ABDULLAH,
*Timbalan Ketua Pengarah
Perkhidmatan Awam,
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia*

Tarikh: 1 Julai, 1988.

Semua Ketua Setiausaha Kementerian.

Semua Ketua Jabatan Persekutuan.

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri.

s.k.

Semua Ketua Pengurusan Badan Berkanun.

Semua Ketua Pengurusan Kuasa Tempatan.

